



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN KEPIMPINAN YANG DIPERTUA PIBG
DAN PENGURUSAN DALAM SARANA
IBU BAPA KE ARAH SEKOLAH
CEMERLANG**

YUSMALIZA BINTI YUSOF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**AMALAN KEPIMPINAN YANG DIPERTUA PIBG DAN PENGURUSAN
DALAM SARANA IBU BAPA KE ARAH SEKOLAH CEMERLANG**

YUSMALIZA BINTI YUSOF



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
فونديسيون تعليم سلطان ايدريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) JANUARI(bulan) 2021.

ii. Perakuan pelajar :

Saya, YUSMALIZA BINTI YUSOF, M20142001557, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN KEPIMPINAN YDP PIBG DAN PENGURUSAN DALAM SARANA IBU BAPA KE ARAH SEKOLAH CEMERLANG adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

iii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. MOHD ASRI BIN MOHD NOOR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN KEPIMPINAN YANG DIPERTUA PIBG DALAM SARANA IBU BAPA KE ARAH SEKOLAH CEMERLANG oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=>PhD & mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN).

12 / 1 / 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN
PENYERAHAN "[TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK]"
DECLARATION OF "[THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM]"**

Tajuk / Title: **AMALAN KEPIMPINAN YANG DIPERTUA PIBG DAN PENGURUSAN
DALAM SARANA IBU BAPA KE ARAH SEKOLAH CEMERLANG**

No. Matrik / Matric's No: M20142001557
Saya: YUSMALIZA BINTI YUSOF

mengaku membenarkan LAPORAN KERTAS PROJEK (SARJANA)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-


acknowledged that my [Thesis/Dissertation/Project-Paper] is kept at Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) and reserves the right as follows:-


1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library is not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

- ☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**
☐ **TERHAD/RESTRICTED**
☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was


(Tandatangan Pelajar/Signature)


(Tandatangan Penyelia/Signature of supervisor)

Tarikh: 12 Januari 2021

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT/TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT/TERHAD**



PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah swt tuhan pentadbir seluruh alam, selawat dan salam ke atas junjungan mulia Rasulullah saw. Alhamdulillah, segala puji-pujian dirafakkan kehadiran Allah swt atas limpah kurnia, rahmat dan izinNya dapat saya menyiapkan penulisan ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang telah banyak berjasa sepanjang saya mengikuti program Sarjana ini. Terutama kepada Prof Madya Dr Mohd Asri bin Mohd Nor selaku pensyarah penyelia yang begitu banyak mencurahkan ilmu dan begitu berdedikasi mendidik saya sepanjang menyiapkan laporan kajian ini. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi yang mendidik saya sepanjang pengajian Sarjana ini. Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat En.Amiruddin bin Sahudi dan seluruh warga SK Setiawangsa, Kuala Lumpur yang sudi memberikan bantuan serta kerjasama dalam menyiapkan laporan kajian ini. Tidak lupa juga buat suami tercinta En. Rozali bin Yusof, bonda Pn Hj Bida bt Hj Abd Ghani, ayahanda Tn.Hj Yusof bin Ismail, anak-anak, keluarga tersayang dan semua sahabat kerana telah banyak berkorban, membantu, memberi sokongan serta dorongan. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam usaha menyiapkan laporan kajian ini. Diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat menjadi ilmu yang bermanfaat dan semoga Allah swt memberkati jasa baik kalian dan membalas segala kebaikan dengan kebaikan yang berpanjangan di dunia dan akhirat.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kepimpinan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Setiawangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Berdasarkan amalan kepimpinan dan pengurusan Sarana Ibu Bapa yang membawa kejayaan serta pengiktirafan penganugerahan tertinggi peringkat kebangsaan. Antara anugerah tersebut adalah, Anugerah Pengurusan PIBG Terbaik Keseluruhan Kebangsaan (2012/2013). Kajian ini adalah kajian kualitatif, kajian kes menggunakan kaedah triangulasi iaitu melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen untuk pengumpulan data. Dengan menggunakan kaedah ini, data yang dikumpulkan dianalisis secara manual, langkah demi langkah, mengikut tema dan kategori. Hasil analisis data telah menunjukkan bahawa Yang Dipertua PIBG telah mengamalkan tiga gaya kepimpinan telah berjaya membawa perubahan kepada organisasi. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti pengurusan Sarana Ibu Bapa mampu membina ikatan permuafakatan antara ibu bapa, sekolah dan komuniti sebagai program perkongsian yang memberi manfaat kepada kecemerlangan anak-anak di sekolah. Beberapa strategi yang telah digunakan oleh YDP PIBG untuk mewujudkan permuafakatan antara sekolah, ibu bapa, dan komuniti. Beberapa cabaran dan isu telah dikenalpasti dalam mencapai kecemerlangan sekolah melalui Sarana Ibu Bapa dan membawa kepada penemuan strategi yang digunakan dalam kejayaan pengurusan PIBG sekolah ini. Beberapa cadangan dan tindakan kajian lanjutan dalam kepimpinan dan pengurusan YDP PIBG turut dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan kajian ini pada masa akan datang.



LEADERSHIP PRACTICES OF THE PRESIDENT OF THE PTA AND THE MANAGEMENT OF PARENTAL SUPPORT TOWARDS EXCELLENT SCHOOLS

ABSTRACT

This study is meant to gain the details in depth on the leadership of the President Parent-Teacher Association (PTA) President of a school SK Setiawangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. With the brilliant strategies have been implemented hand-in-hand with parents, which have led them to receive the award of the Excellent PTA at the national level 2012-2013. This study is a qualitative case study that has been using the triangulation method of interviewing, observation, and document analysis for data collection. The outcomes of the data analysis have shown that the mentioned PTA President have been practicing the three leadership styles which has been successful in bringing changes to the organization and creating harmonious working cultures. This case study explains how 'Sarana Ibu Bapa' is capable in building great bonding between parents and the community as part of a sharing program within school, family and society. Findings of the study through PIBK and PTA have identified a few strategies that have been used by the PTA President to create a mutual understanding among school, parents, and community members. In achieving the Excellent PTA Award, there must be challenges and problems that the school and PTA would be facing, namely school rebranding, financial problems, human resource management, parents' perception, cooperation and conflicts. A few proposals and further research have been made for the betterment of this study in the future.



KANDUNGAN

Surat	Muka
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
KOD RUJUKAN TEMU BUAL	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	
xviii	
 BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	5
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.7 Batasan Kajian	19





1.8	Kerangka Konseptual	21
1.9	Definisi Operasi	22
1.10	Kesimpulan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Konsep Kepimpinan	29
2.2.1	Pemimpin dan Kepimpinan	30
2.2.2	Konsep Kepimpinan dalam Pendidikan	32
2.3	Kajian Berkaitan Konsep Kepimpinan	37
2.3.1	Kajian Ohio State University	38
2.3.2	Kajian Michigan University	40
2.4	Konsep Penglibatan Ibu Bapa	48
2.5	Penglibatan Ibu Bapa dalam Sistem Pendidikan	50
2.6	Kepentingan Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pelajaran Anak-Anak	54
2.7	Model Penglibatan Ibu Bapa	56
2.7.1	Model Olsen dan Fuller	57
2.7.2	Model Komuniti Pembelajaran Sekolah	60
2.7.3	Model Penglibatan Ibu Bapa Hoover-Dempsey dan Sandler	62
2.7.4	Model Perhubungan Keluarga-Sekolah (The Family-School Relationship Model)	66
2.8	Konsep Kepimpinan dan Pengurusan SARANA Sekolah	71
2.9	Kepimpinan YDP PIBG	77
2.10	Kesimpulan	81





BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	83
3.2	Reka bentuk Kajian	84
3.2.1	Kajian kualitatif	88
3.2.2	Kajian Kes	91
3.3	Pemilihan Kes	94
3.4	Instrumen Kajian	96
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	97
3.5.1	Temu bual	103
3.5.2	Pemerhatian	107
3.5.3	Analisis Dokumen	113
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	115
3.7	Kesimpulan	117

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	118
4.2	Latar Belakang Responden	119
4.2.1	Tempat Kajian, SK Setiawangsa	120
4.3	Analisis Data Berdasarkan Persoalan Kajian	122
4.3.1	Amalan Kepimpinan Dan Pendekatan (Persoalan Kajian 1)	123
4.3.2	Jenis Kepimpinan	125
4.3.3	Ciri-Ciri Kepimpinan	132



4.3.3.1	Fleksibel	132
4.3.3.2	Personaliti Unggul	135
4.3.3.3	Komunikasi	139
4.3.3.4	Pengurusan Masa	141
4.3.4	Penglibatan Ibu Bapa Dalam Sarana PIBG Dapat Membantu Mewujudkan Permuafakatan (Persoalan Kajian 2)	143
4.3.4.1	PIBG Melalui Sarana Sebagai Penghubung	144
4.3.4.2	PIBG melalui Sarana sebagai Agen Perpaduan	146
4.3.4.3	PIBG melalui Sarana sebagai Agen Perubahan	148
4.3.4.4	PIBG melalui Sarana membina Permuafakatan Komuniti	149
4.3.5	Amalan Terbaik Kepimpinan YDP PIBG Dalam Perlaksanaan Sarana PIBG (Persoalan kajian 3)	153
4.3.5.1	Memperkukuh Jati Diri YDP PIBG Secara Holistik	154
4.3.5.2	Peranan YDP PIBG Meningkatkan Penyertaan Dan Kehadiran Ibu Bapa Dalam PIBG	156
4.3.5.3	Pemantapan Organisasi PIBG	158
4.4	Analisis Data Pemerhatian	164
4.5	Analisis Data Dokumen	166
4.6	Rumusan Analisis Data Temu bual	167
4.7	Kesimpulan	168



BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	169
5.2	Ringkasan Kajian	170
5.3	Implikasi Terhadap Sekolah Kajian Kes	171
5.3.1	Implikasi kajian	174
5.3.1.1	Implikasi dan kepentingan terhadap institusi pendidikan (Sekolah)	174
5.3.1.2	Implikasi dan Kepentingan Kepada Pelajar dalam Prestasi Akademik	176
5.3.1.3	Implikasi dan Kepentingan kepada Pengurusan PIBG	177
5.3.1.4	Implikasi dan Kepentingan Kepada Komuniti	178
5.3.1.5	Implikasi dan Kepentingan Kepada Pengkaji Ilmiah Pendidikan	179
5.4	Perbincangan	180
5.4.1	Amalan Kepimpinan Dan Pendekatan Yang Ditunjukkan Oleh Yang Dipertua PIBG Dalam Mengwujudkan Sarana Sekolah Yang Berkesan	180
5.4.2	Penglibatan Ibu Bapa Dalam Sarana PIBG Membantu Mewujudkan Permuafakatan Demi Kecemerlangan Pendidikan Anak-Anak	183
5.4.3	Amalan Terbaik Kepimpinan YDP PIBG Dalam Perlaksanaan Sarana Sekolah	188



5.5	Cadangan Dan Panduan Pengurusan Sarana PIBG Sekolah Berdasarkan Hasil Kajian	189
5.5.1	Matlamat Dan Hala Tuju	190
5.5.2	Isu dan Cabaran Serta Cadangan Tindakan	191
5.5.3	Berfokus Dan Memantapkan Organisasi PIBG	193
5.5.4	Personaliti dan Mengukuh Jati Diri YDP PIBG Dalam Memimpin PIBG	195
5.6	Kesimpulan	198

RUJUKAN	199
LAMPIRAN 1: Transkrip Temubual	208
LAMPIRAN 2: Gambar Aktiviti	263

**SENARAI JADUAL****No. Jadual
Surat****Muka**

3.1	Kaedah Pengumpulan Data	102
3.2	Senarai Semak Pemerhatian	110
3.3	Borang Senarai Semak Analisis Dokumen	114
4.1	Senarai Responden	119
4.2	Kod terbuka Persoalan Kajian 1	124
4.3	Kod terbuka Persoalan Kajian 2	143
4.4	Kod terbuka Persoalan Kajian 3	153
4.5	Senarai Semak Pemerhatian Berdasarkan Panduan Perlaksanaan Sarana Ibu Bapa	162
4.6	Senarai Semak Analisis Pemerhatian	164
4.7	Senarai Semak Analisis Dokumen	166
4.8	Jadual Rumusan Analisis Data	167
5.1	Isu dan cabaran serta langkah mengatasi	192
5.2	Bidang Fokus PIBG	194
5.3	Personaliti dan amalan kepimpinan YDP PIBG	196





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Surat	Muka
1.1	Kerangka kajian Amalan Kepimpinan YDP PIBG dalam Sarana Ibu Bapa Ke Arah Sekolah Cemerlang	21
2.1	Model Epstein Perhubungan Antara Sekolah, Keluarga dan Komuniti Sumber: Epstein (2011)	61
2.2	Model Penglibatan Ibu bapa Hoover-Dempsey and Sadley (1995,1997)	64
2.3	Model Perhubungan Keluarga-Sekolah (sumber Gerald R. Adams dan Bruce A. Ryan, (1999)	70
4.1	Dapatan Analisis Persoalan 1	142
4.2	Pendekatan PIBG dalam mewujudkan Permuafakatan	152
5.1.	Model Kepimpinan Dan Pengurusan Dalam Sarana PIBG (adaptasi Abbott's Leadership Competency Model)	173



KOD RUJUKAN TEMU BUAL

Jawatan Responden	Responden	KOD	Tarikh
Yang Dipertua PIBG SK Setiawangsa	R1	R1/Baris/No.Soalan/Tarikh	10.03.2017 24.10.2017 15.03.2018
Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid SK Setiawangsa	R2	R2/Baris/No.Soalan/Tarikh	24.10.2017 15.03.2018
Guru Penolong Kanan Pentadbiran SK Setiawangsa	R3	R3/Baris/No.Soalan/Tarikh	24.10.2017 15.03.2018
Setiausaha PIBG SK Setiawangsa	R4	R4/Baris/No.Soalan/Tarikh	24.10.2017 15.03.2018
Guru Besar SK Setiawangsa	R5	R5/Baris/No.Soalan/Tarikh	10.03.2017 24.10.2017 15.03.2018
Guru Penolong Kanan Kokurikulum SK Setiawangsa	R6	R6/Baris/No.Soalan/Tarikh	24.10.2017 15.03.2018
Bendahari PIBG SK Setiawangsa	R7	R7/Baris/No.Soalan/Tarikh	24.10.2017 15.03.2018
AJK PIBG (Biro Pembangunan dan Infrastruktur) SK Setiawangsa	R8	R8/Baris/No.Soalan/Tarikh	24.10.2017 15.03.2018
AJK PIBG (Biro Akademik/ ICT) SK Setiawangsa	R9	R9/Baris/No.Soalan/Tarikh	24.10.2017 15.03.2018

SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
YDP PIBG	Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
AJK	Ahli Jawatankuasa
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PIBK	Persatuan Ibu Bapa dan Komuniti



SENARAI LAMPIRAN

A	Halaman Judul
B	Perakuan Keaslian
C	Borang Pengesahan Status Disertasi/Tesis
D	Halaman Penghargaan
E	Abstrak
F	Abstract
G	Halaman Kandungan
H	Senarai Jadual
I	Senarai Rajah
J	Kod Rujukan Temu bual
K	Senarai Singkatan
L	Transkrip Temubual
M	Gambar Aktiviti





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Kesejahteraan masa depan anak-anak Malaysia adalah tanggungjawab bersama dan pendidikan adalah petunjuk terpenting dalam mencapai kualiti yang baik dalam kehidupan manusia. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Malaysia sentiasa prihatin terhadap sistem pendidikan negara dan memberikan akses serta ruang yang terbaik kepada semua tanpa mengira latar keturunan mahupun taraf sosio ekonomi. Anak-anak hari ini merupakan modal insan dan aset yang penting dalam menentukan masa hadapan





sesebuah negara dan masyarakat. Generasi hari ini adalah entiti penting yang bakal meneraju negara dan menentukan jatuh bangunnya negara pada masa hadapan.

Dengan melengkapkan anak-anak dengan sahsiah yang terpuji, mampu mendepani cabaran, menguasai teknologi, modal insan mulia, berkemahiran, berilmu pengetahuan tinggi dan mampu menghadapi era 2020 merupakan peranan utama yang dimainkan oleh pendidikan kini (KPM, 2012). Dalam menghasratkan anjakan pencapaian kepada semua kumpulan sasaran murid di Malaysia manfaat kemajuan negara memerlukan penyebaran ke seluruh negara.

Keutamaan dan strategi kementerian Pendidikan telah diberikan kepada ketelusan, kualiti pengajaran dan pembelajaran, akses kepada maklumat yang boleh dipercayai dan bermakna, kebertanggungjawaban, infrastruktur dan persekitaran pembelajaran yang sesuai. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025) dinyatakan bahawa, Kementerian Pendidikan menggembeleng segala sumber dan menjana idea dalam melakukan perubahan dengan cara yang berbeza bagi mendapatkan hasil yang terbaik dalam kemenjadian murid, (YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin, 2012). Kesamarataan dalam pendidikan diberi keutamaan kepada semua rakyat Malaysia seawal pendidikan kanak-kanak lagi hingga peringkat tertinggi.





Seiring era globalisasi kini, penglibatan ibu bapa dan sekolah dalam pendidikan anak-anak perlu wujud dengan terancang dan berkesan. Ia adalah bertepatan dengan hasrat pendidikan negara dalam melahirkan sistem pembelajaran yang dapat menyerlahkan potensi setiap murid, meningkatkan kejayaan murid serta memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit seperti yang telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) yang menjadi pemacu Transformasi Pendidikan Negara. PPPM melakarkan visi sistem pendidikan dan aspirasi murid yang akan dapat memenuhi keperluan negara pada masa hadapan. Pelan ini juga mencadangkan 11 anjakan strategik dan operasi, dalam 3 Gelombang, 5 Aspirasi Sistem dan 6 Aspirasi Murid yang perlu dilaksanakan bagi mencapai visi yang dihasratkan. Dalam usaha memperkasakan pendidikan di Malaysia, di bawah lonjakan ke 9 PPPM (2013-2025) penekanan terhadap kerjasama ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas dengan meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah demi kecemerlangan generasi akan datang dan masa hadapan negara.

Menyedari hakikat ini, penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak dan sekolah melalui Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) diperlukan dalam usaha merialisasikan matlamat dan objektif pendidikan negara yang telah dizahirkan dalam Falsafah Pendidikan Negara. PIBG serta sarana ibu bapa sangat penting dalam usaha membantu memajukan sesebuah sekolah. Ini kerana sekolah berperanan sebagai institusi pendidikan formal dan PIBG sebagai penyokong yang mempunyai tanggungjawab bersama dalam meningkatkan mutu pembelajaran murid di sekolah.





Penggalakan penglibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta dalam pembelajaran anak-anak secara meluas dipergiat dalam PIBG melalui penambahbaikan garis panduan yang terdapat dalam Sarana Ibu Bapa. Peranan yang dimainkan oleh ibu bapa melalui PIBG bagi menjayakan Transformasi Pendidikan iaitu memperluas sistem pembelajaran melalui bantuan rakan pembelajaran yang terdiri daripada komuniti dan sektor swasta turut memerlukan anjakan daripada Pembelajaran Berasaskan Sekolah yang bakal memperkukuh matlamat tersebut. Melalui kerjasama erat yang dihasratkan dalam PPPM, adalah diharapkan wujudnya kerjasama erat antara sekolah dan ibu bapa sekaligus melahirkan rasa kebersamaan dan tanggungjawab dalam memastikan pembelajaran berkualiti untuk murid, memperluaskan tanggungjawab yang diamanahkan kepada ibu bapa sebagai rakan sekolah dan mempertingkatkan kesedaran ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid dalam meningkatkan keberhasilan anak-



Pelaksanaan sarana sekolah, menurut buku panduan sarana sekolah terbitan Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) telah memberi gambaran bahawa sarana sekolah adalah bertujuan sebagai satu platform dan medium yang boleh dimanfaatkan oleh sekolah dalam memastikan peningkatan jalinan antara PIBG dan komuniti terlibat secara langsung serta meluas dalam pembelajaran murid. Ia secara tidak langsung juga dapat meningkatkan kerjasama erat antara pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti dalam kesediaan menyediakan enam (6) elemen yang dapat menyokong pembelajaran dalam membantu murid mencapai kecemerlangan menyeluruh. Elemen tersebut di bawah program sarana dalam menyokong pembelajaran adalah:





- i. Iklim Sekolah
- ii. Komunikasi Berkesan
- iii. Sokongan Terhadap Kejayaan Murid
- iv. Tanggungjawab Bersama
- v. Keputusan Bersama
- vi. Kerjasama Dengan Komuniti Dan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB).

Enam elemen ini adalah bertujuan menyokong pembelajaran bagi membantu murid mencapai kecemerlangan holistik. Perubahan paradigma ini juga akan dapat menimbulkan kesedaran dan peranan semua pihak dapat ditingkatkan.



Persatuan Ibu bapa dan guru merupakan sebuah organisasi yang wujud di sesebuah sekolah dan dianggotai oleh ibu bapa, penjaga dan guru yang anaknya bersekolah di sekolah tersebut. Kewujudan persatuan ini adalah sangat penting dan PIBG perlu menjalankan fungsinya dengan baik berdasarkan perlembagaannya. Kepentingan PIBG tidak boleh disangkal dan perubahan arus dunia pendidikan menjadikan PIBG juga perlu seiring dengan arus perkembangan dunia pendidikan negara yang mengalami Transformasi Pendidikan. Merapatkan hubungan serta meningkatkan kerjasama antara ibu bapa dan sekolah merupakan agenda utama penubuhan PIBG melalui pengurusan





sarana ibu bapa demi kebaikan anak-anak mereka dalam melahirkan generasi yang unggul, holistik, berketerampilan, memiliki sahsiah terpuji serta cemerlang.

Kemajuan negara seharusnya seiring dengan pembangunan pendidikan negara kerana pelajaran adalah tunjang utama dalam pembangunan bangsa dan negara. Aspek penting yang memerlukan perhatian tersebut adalah tahap kejayaan sesebuah sekolah. Masih terdapat sekolah-sekolah yang berada dalam tahap belum mencapai kejayaan serta kurang berfungsi dalam melahirkan murid-murid yang cemerlang dari aspek akademik mahupun kokurikulum seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, ibu bapa dan masyarakat. Pemahaman yang jelas dan menyeluruh perlu diberi perhatian serius iaitu berkaitan peningkatan penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam pelajaran anak-anak. Ini kerana kerjasama dan saling pergantungan yang timbul hasil daripada hubungan erat antara ibu bapa dan sekolah pasti menjanjikan kecemerlangan dalam pendidikan meliputi pembentukan modal insan yang cemerlang serta menyeluruh dari segi akademik, sahsiah, kerohanian, jasmani, intelek dan emosi.

Jika dihayati fungsi-fungsi PIBG yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Iktisas Bil. 4/2004, berkaitan pengurusan PIBG di sekolah, ia dapat menjadi panduan asas kepada semua pengurusan PIBG sekolah seluruh negara terutama fungsi YDP PIBG dalam menggerakkan organisasi ini. Kewujudan PIBG di sesebuah sekolah adalah satu aspek yang sangat penting dan tidak boleh disangkal lagi. Namun, terdapat





banyak kekangan yang perlu dikendalikan dengan bijak dan penuh hikmah oleh Yang Di Pertua PIBG bagi memastikan pengurusan organisasi PIBG berjalan lancar. Pengurusan dan amalan kepimpinan YDP PIBG yang berkesan bertujuan memberikan impak maksima terutamanya dalam pengurusan sarana sekolah bagi memaksimumkan kemenjadian murid. Khidmat bantu yang boleh diberikan oleh elemen-elemen yang terdapat dalam sarana ibu bapa adalah terdiri daripada khidmat bantu yang menggalakkan keseluruhan potensi murid dibangunkan seperti, khidmat bantu bidang akademik, kokurikulum, kebersihan, kesihatan dan keselamatan (3K), bimbingan kerjaya, penyelenggaraan sekolah, motivasi dan disiplin murid.

Fungsi-fungsi PIBG seharusnya difahami dan diamati dengan sebaik mungkin

agar objektif penubuhan persatuan ini dapat direalisasikan. Sebagai sebuah organisasi yang mempunyai struktur pentadbirannya yang tersendiri namun berkait rapat dengan pengurusan dan pentadbiran sekolah, pengurusan dan kepimpinan YDP PIBG memainkan peranan penting dalam mencorak organisasi PIBG sesebuah sekolah. perkaitan yang wujud terbukti dengan kajian-kajian kepimpinan bahawa, jatuh dan mundurnya sesebuah institusi pendidikan mahupun sekolah adalah bergantung kepada kepimpinan sekolah tersebut (Uchiyama & Wolf, 2003). Manakala dapatan kajian yang dijalankan berkaitan Tingkah laku dan Gaya Kepimpinan yang Dipertua Persatuan Ibubapa dan Guru mendapati corak kepimpinan YDP PIBG mempengaruhi kecemerlangan sesebuah sekolah dan tingkah laku serta gaya kepimpinan YDP PIBG yang boleh menjadi amalan baik (Jaafar Jamian, 2013). Kepimpinan yang ditunjukkan





oleh YDP PIBG memudahkan sesebuah Persatuan Ibu bapa itu sendiri untuk menjalankan fungsinya dengan lebih jelas dan berkesan.

Kajian Leithwood dan Janthi (2002) telah mendapati hubungan antara kepimpinan dan pencapaian murid adalah secara tidak langsung dan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti budaya sekolah, penglibatan pelajar di sekolah, penglibatan guru dan kakitangan, penglibatan ibu bapa serta komuniti. Oleh yang demikian kepentingan organisasi PIBG melalui sarana dan fungsi YDP PIBG selaku pemimpin organisasi perlu seiring dengan pentadbiran sekolah serta mempunyai amalan kepimpinan dan corak pengurusan PIBG yang berkesan. Merujuk kepada Akta Pendidikan 1996 dalam Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu bapa dan Guru 1988) ada menyatakan Peraturan 7(2), setiap persatuan perlu mempunyai seorang Yang Dipertua dalam Pelantikan suara majoriti dalam mesyuarat agung tahunan persatuan. Bagi YDP yang telah dilantik, beliau mempunyai kuasa serta bidang tugas yang penting dan menyeluruh dalam mengurus tadbir persatuan tersebut.

Kesediaan, semangat dan ilmu bagi seorang YDP PIBG memainkan peranan yang penting dalam memimpin serta mengurus organisasi PIBG. Kewibawaan dan ketrampilan memimpin bagi seorang YDP PIBG juga sudah pasti memberi impak besar kepada pimpinannya dan PIBG itu sendiri, dalam usaha membantu mengembangkan serta memudahkan proses mencemerlangkan sesebuah sekolah. Menggalas tanggungjawab sebagai seorang pemimpin bukan satu perkara yang mudah. Tambahan





pula berhadapan dengan pengikut-pengikut yang berada dalam kelompok pemikiran, sosio ekonomi, agama, latar belakang dan bangsa yang berbeza. Pendekatan yang bersesuaian dengan situasi organisasi PIBG ini memerlukan seorang pemimpin yang bijak dalam mengawal keadaan serta mempunyai amalan kepimpinan kreatif dan proaktif terutama dalam menghadapi kerenah yang pelbagai dalam usaha membantu mengembangkan serta memudahkan proses mencemerlangkan sesebuah sekolah.

Pengurusan PIBG yang dijalankan oleh YDP PIBG sebagai penghubung jalinan antara ibu bapa dan sekolah dapat memberikan banyak manfaat seperti bantuan dana dan kepakaran sesuatu bidang serta sumbangan tenaga yang sangat diperlukan oleh sesebuah sekolah. Situasi ini akan dapat memberi impak dari segi memaksimumkan pelaksanaan sesuatu aktiviti sekolah kerana melalui sumbangan dana dan kepakaran menjadikan sesuatu aktiviti itu dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan tanpa gangguan terutama kekangan dari segi kewangan. Menurut Abdullah Sani (2003) Faktor utama yang mempengaruhi kecemerlangan pengurusan sekolah itu adalah bagaimana pentadbir dan guru-guru memimpin sekolah tersebut.

Amalan kepimpinan dan pengurusan yang berkesan dalam organisasi PIBG memungkinkan pengurusan PIBG itu mencapai matlamat utama. Sebarang tanggapan negatif daripada pihak ibu bapa dan sekolah perlulah dielakkan kerana tanggapan-tanggapan seperti inilah yang boleh merencatkan kelancaran pengurusan sarana sesebuah sekolah. Tanggapan-tanggapan ini juga boleh menjadi batu penghalang dalam





pembinaan satu gabungan sekolah dan PIBG yang kuat serta mampan dalam usaha mewujudkan PIBG dan sarana sekolah yang berkesan. Situasi negatif perlu ditangani dengan bijak dan penuh hikmah agar ia bukan saja tidak mengganggu fungsi dan objektif sarana malahan akan mengeratkan hubungan ibu bapa dan sekolah. Ke arah membina hubungan dan jaringan dengan ibu bapa, sekolah perlu memulakan langkah awal seperti menjemput ibu bapa datang ke sekolah untuk memberikan sokongan dan motivasi kepada guru-guru dan murid-murid terhadap sebarang aktiviti dan program yang dijalankan oleh pihak sekolah (Alimuddin 2006).

Melalui bimbingan dan panduan sarana secara komprehensif seperti yang termaktub dalam perkara ke enam dari sembilan bidang keberhasilan PPPM (2013-2025), iaitu mengukuhkan penglibatan ibu bapa, sektor swasta dan masyarakat sebagai rakan kongsi dalam pendidikan. Setiap sekolah pasti dapat merealisasikan hasrat meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid, mempunyai tanggungjawab yang dikongsi bersama antara ibu bapa dan guru bagi memastikan pembelajaran berkualiti untuk murid dan memperluas peranan ibu bapa sebagai rakan sekolah dalam meningkatkan keberhasilan anak-anak mereka. Perubahan dari sistem sekolah kepada sistem pembelajaran juga akan meningkatkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam pembelajaran anak di sekolah dan di luar sekolah.

Perkongsian amalan terbaik YDP PIBG yang diamalkan dan dilaksanakan oleh sekolah-sekolah yang pernah memenangi Anugerah PIBG Cemerlang wajar dilakukan dan diberi perhatian agar ia dapat dijadikan panduan dan tunjuk cara bagaimana





sekolah-sekolah tersebut merancang dan melaksanakan segala strategi dan pendekatan dalam mewujudkan permuafakatan yang baik berganding bahu demi pembangunan sekolah dan objektif utama sarana PIBG dapat direalisasikan.

1.3 Pernyataan Masalah

Proses memastikan kecemerlangan pendidikan yang berterusan adalah satu proses yang kompleks. Dengan kemunculan Sarana ibu bapa dan sekolah, sudah pasti ada pelbagai kemusykilan yang perlu diberikan penjelasan. Sarana ibu bapa dan sekolah dilihat sebagai satu anjakan paradigma yang menjadikan penglibatan ibu bapa dan sekolah dalam pencapaian akademik pelajar sebagai satu perkara yang mandatori. Hasil kajian-kajian lalu telah menimbulkan persoalan dalam kalangan pengkaji cara dan langkah melibatkan komuniti dalam permuafakatan (Ahmad Zabidi, Mariani, 2007; Epstein, 2002; 2016). Antara faktor kejayaan dan kecemerlangan sesebuah sekolah adalah bergantung kepada keberkesanan dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah sekolah dan Sarana PIBG yang dipimpin oleh pemimpin yang efektif dan berkesan.

Menyedari kepentingan yang ada, permuafakatan sekolah dengan komuniti sangat penting untuk dikaji (Amir, 1999; Akhmal, 2011, Hogue, 2012) secara berterusan untuk membentuk pemahaman yang komprehensif dan menambah literatur sedia ada (Hogue, 2012). Permasalahan tunjang yang terbit daripada pengurusan Sarana Ibu bapa dan sekolah dalam usaha menjamin kecemerlangan pendidikan ialah





bagaimana Sarana ibu bapa dan sekolah itu sendiri dalam membantu kecemerlangan pendidikan. Kajian ini adalah bertujuan mengenalpasti amalan-amalan kepimpinan yang berkesan terutama sekolah yang terbukti kecemerlangannya dalam pengurusan Sarana PIBG sekolah. Aspek kepimpinan dan amalan terbaik yang diamalkan oleh YDP PIBG sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang dalam membantu kecemerlangan sekolah juga turut dikupas.

Abdul Razak dan Norani Mohd Salleh (2011) mengetengahkan tiga bentuk utama yang dipercayai menjadi penentu berkenaan dengan asas penglibatan ibu bapa.

Penentu asas tersebut adalah:

Pertamanya, tafsiran pembentukan peranan ibu bapa yang mentakrifkan kepercayaan ibu bapa tentang apa yang sepatutnya dilakukan terhadap pendidikan anak-anak mereka dan kepelbagaian asas yang kukuh dan adanya aktiviti yang ditafsirkan oleh ibu bapa sebagai penting, mustahak dan yang membenarkan tindakan mereka bagi pihak anak-anak. Keduanya, keupayaan ibu bapa merasa bertanggungjawab dan perlunya mereka membantu anak-anak mereka untuk berjaya di sekolah berfokuskan kepada sejauh mana kepercayaan ibu bapa terhadap penglibatan mereka dapat menerapkan pengaruh yang positif terhadap pencapaian pelajaran anak-anak. Ketiganya, kehendak, jemputan umum dan peluang untuk melibatkan diri merujuk kepada persepsi ibu bapa tentang anak-anak dan sekolah perlukan penglibatan mereka. (Jurnal Pendidikan Malaysia 36(1)(2011):35-44)

Berdasarkan kajian tersebut, kepentingan penglibatan dan kefahaman ibu bapa dalam Sarana Sekolah jelas dapat membantu kecemerlangan anak-anak. Permasalahan tunjang yang terbit daripada Sarana Ibu bapa dalam menjamin kecemerlangan pendidikan di sekolah adalah tentang bagaimana menimbulkan kesedaran ibu bapa terhadap peranan mereka dalam mewujudkan kerjasama dan permuafakatan yang





aktif dalam Sarana PIBG. Secara jelas peranan YDP PIBG selaku wakil dan penghubung jalin kepada dua organisasi tersebut perlu dihayati dan difahami dengan baik oleh semua ibu bapa agar Sarana PIBG dapat berfungsi dengan efektif dan berkesan demi pendidikan terbaik anak-anak di sekolah. Pembentukan peranan ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak bermula daripada membenarkan tindakan dan kepercayaan bagi pihak anak-anak dalam mendapatkan kepelbagaian asas serta ilmu yang difikirkan mustahak demi memberikan pendidikan terbaik kepada anak-anak. Selain daripada memupuk kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan kerjasama serta permuafakatan ibu bapa dalam Sarana PIBG untuk kecemerlangan anak-anak. Ia turut disokong oleh kajian berkaitan kepimpinan. Proses memujuk atau mempengaruhi di mana pemimpin atau kumpulan pemimpin mempengaruhi para pengikut untuk mengambil tindakan yang menjurus kepada pengukuhan matlamat pemimpin dan matlamat bersama (Mohammed Sani & Jamalul Lail, 2012).



Kekuatan serta kedinamikan hubungan Sarana Ibu Bapa dan Sekolah dengan kecemerlangan pendidikan juga perlu diberi perhatian. Kejayaan berdasarkan momentum, pola kerja yang cekap serta berkesan berdasarkan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh YDP PIBG. Semestinya kejayaan-kejayaan tersebut terdapat dalam amalan kepimpinan yang berkesan dan terbaik. Gross (2015) dalam kajiannya berpendapat faktor sekolah yang membawa kepada kejayaan kerjasama sekolah dan komuniti ialah kepimpinan yang kuat, budaya sekolah yang menghargai, komitmen pendidik dan komunikasi dengan rakan kongsi komuniti. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), melalui anjakan ke 9 dari 11 anjakan iaitu inisiatif





ibu bapa, komuniti dan sektor swasta menegaskan peranan Sarana Ibu Bapa adalah bagi meningkatkan kerjasama antara ibu bapa, komuniti dan pihak sekolah dalam menyediakan 6 elemen yang menyokong pembelajaran bagi membantu murid mencapai kecemerlangan holistik. Enam elemen tersebut adalah, iklim sekolah, komunikasi berkesan, sokongan terhadap kejayaan murid, tanggungjawab bersama, keputusan bersama dan kerjasama dengan komuniti. Satu buku panduan (toolkit) pelaksanaan Sarana Sekolah telah diterbitkan sebagai rujukan sekolah dan PIBG, namun kepelbagaian sumber rujukan serta panduan masih diperlukan dalam pelaksanaan Sarana Ibu bapa yang cemerlang.

Sekolah dan PIBG masih memerlukan garis panduan pelaksanaan Sarana Ibu

Bapa ini dari segi pengurusan dan pelaksanaannya. Terdapat pelbagai inisiatif dan penghargaan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha meningkatkan penglibatan ibu bapa melalui Sarana Ibu bapa dan Sekolah. KPM juga memperluas pelaksanaan melalui Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) dan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB). Menurut pandangan Hogue (2012), Sekolah dan komuniti dapat berkembang apabila dipandu oleh pemimpin transformasional kerana pemimpin memberi fokus kepada kerja kumpulan dan permuafakatan semua pihak yang berkepentingan. Namun, agak sukar bagi sekolah-sekolah memulakan Sarana Ibu Bapa pada peringkat awal seandainya kepimpinan sekolah dan YDP PIBG belum benar-benar memahami apakah keperluan dan panduan bagi memulakan Sarana Ibu Bapa yang baik. Oleh demikian, kepelbagaian panduan pelaksanaan dan garis panduan Sarana Ibu Bapa yang baik diperlukan dalam





mewujudkan Sarana Ibu Bapa yang berkesan seterusnya membantu dalam kecemerlangan sesebuah sekolah dan kemenjadian murid di Malaysia. Ia diperkukuhkan oleh pendapat Azlinda Azman dan Noreah Muhamed (2009), usaha mendapatkan lebih banyak informasi berguna perlu dilakukan secara terus-menerus dan konsisten.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengupas amalan-amalan kepimpinan dan pendekatan yang telah ditunjukkan oleh Yang Dipertua PIBG SK Setiawangsa, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang terbukti cemerlang dalam pengurusan Sarana Sekolah. Mengkaji kepentingan penglibatan ibu bapa dalam Sarana Ibu Bapa yang menjadi platform kepada permuafakatan serta jalinan kerjasama dalam kecemerlangan pendidikan anak-anak di sekolah. Selain dari itu kajian ini juga bertujuan mencadangkan amalan terbaik perlaksanaan Sarana Ibu Bapa di sekolah. Oleh demikian, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menenal pasti amalan kepimpinan dan pendekatan yang telah ditunjukkan oleh Yang Dipertua PIBG SK Setiawangsa, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dalam mewujudkan sarana sekolah yang berkesan.





- ii. Mengenal pasti bagaimana penglibatan ibu bapa dalam sarana ibu bapa dan PIBG dapat membantu mewujudkan permuafakatan demi kecemerlangan pendidikan anak-anak.
- iii. Mencadangkan amalan terbaik kepimpinan YDP PIBG dan pengurusan dalam pelaksanaan sarana PIBG sekolah berdasarkan semua pemerhatian yang dijalankan.

1.3 Persoalan Kajian



i. Sejauhmanakah amalan kepimpinan dan pendekatan yang ditunjukkan oleh Yang Dipertua PIBG SK Setiawangsa dalam mewujudkan sarana sekolah yang berkesan?

- ii. Bagaimanakah penglibatan ibu bapa dalam sarana ibu bapa dan PIBG dapat membantu mewujudkan permuafakatan demi kecemerlangan pendidikan anak-anak?
- iii. Sejauhmanakah amalan terbaik kepimpinan YDP PIBG dalam pelaksanaan sarana PIBG sekolah?





1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa, sekolah dan komuniti akan betapa pentingnya hubungan yang dinamik antara pihak sekolah, ibu bapa, komuniti dan pelajar dalam membentuk kecemerlangan pendidikan yang berterusan. Semua pihak yang terlibat perlu sedar akan kepentingan elemen-elemen yang terkandung dalam Sarana Ibu Bapa dan sekolah terhadap pendidikan dalam melahirkan modal insan yang seimbang dan holistik. Apa yang ingin dicapai ialah membantu meningkatkan kefahaman berkaitan peningkatan penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam pembelajaran anak-anak. Pengalaman dan kemahiran YDP PIBG SK Setiawangsa sebagai rujukan tambahan dan boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi meningkatkan lagi prestasi serta kecemerlangan sekolah-sekolah di Malaysia. Selain dari itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai model kepimpinan kepada pentadbir sekolah di Malaysia.

Kajian ini juga akan memberi sumbangan yang bermakna dengan keperluan kini memandangkan hanya segelintir sahaja sekolah-sekolah di Malaysia yang berjaya menguruskan Sarana Ibu Bapa dan PIBG dengan baik serta sebahagian kecil sahaja sekolah di Malaysia dianugerahkan pengiktirafan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pemantauan yang telah dijalankan. Ini menunjukkan sekolah dan individu-individu ini sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai panduan, contoh dan idola kepada sekolah yang lain dalam amalan-amalan terbaik yang telah berjaya mereka membuktikan kecemerlangannya dalam pengurusan Sarana PIBG agar sekolah-sekolah





lain di Malaysia turut berada dalam kedudukan duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan sekolah-sekolah tersebut.

Kajian ini juga adalah diharapkan dapat membantu YDP PIBG, Guru Besar selaku pemimpin sekolah dalam mengadaptasikan amalan dan kaedah yang sesuai yang boleh diguna pakai oleh pemimpin dalam pengurusan organisasi yang dapat menyokong pengurusan Sarana PIBG dalam menyokong peningkatan penglibatan ibu bapa, komuniti, sektor swasta dalam pembelajaran anak-anak di Malaysia. Hasil dapatan daripada kajian ini akan memberikan satu garis panduan kepada masyarakat betapa pentingnya Sarana ibu bapa dan sekolah dalam memastikan kelangsungan kecemerlangan pendidikan yang berterusan. Kajian ini juga merupakan satu alternatif dalam proses meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar sebagai salah satu usaha membentuk insan yang berjaya, berkualiti dan holistik.

Selain daripada itu, diharapkan kajian ini akan menjadi garis panduan bagi Guru Besar dan YDP PIBG dalam proses merancang, mengelola, mentadbir, menyemak, membuat penilaian keberkesanan dan mempraktikkan mana-mana panduan yang bersesuaian dengan cara serta pendekatan berdasarkan keadaan dan situasi tersendiri. Kajian ini juga adalah lebih kepada pengalaman dan penghayatan sebenar YDP PIBG yang berkaitan dengan kepimpinan dan pengurusan Sarana sekolah yang efektif dan berkesan. Situasi dan pengalaman sebenar dalam memajukan Sarana Ibu Bapa berdasarkan watak dan kedudukan organisasi PIBG dalam menangani isu dan cabaran. Kajian ini juga boleh menjadi satu garis panduan dan inspirasi kepada semua YDP PIBG dan Guru Besar sekolah-sekolah di Malaysia yang mungkin menghadapi





masalah dan kesukaran yang sama atau mengikut keadaan sekolah masing-masing dalam menguruskan Sarana Ibu Bapa dan PIBG sekolah. Sedikit pengubahsuaian berdasarkan keadaan semasa sekolah masing-masing mungkin diperlukan, namun diharapkan kajian ini sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai panduan dalam permulaan menghadapi cabaran pengurusan Sarana Ibu Bapa sekolah yang cemerlang.

Kajian ini juga adalah penting dalam memperbanyak lagi kajian-kajian dan bahan ilmiah di negara ini yang boleh dijadikan bahan rujukan oleh pengkaji dan pelajar dari sudut dan perspektif yang sama atau berbeza. Ianya juga diharapkan dapat memberi impak besar dalam memperluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan ke arah Transformasi Sistem Pendidikan di Malaysia.



1.7 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini. Kajian ini hanya tertumpu kepada Yang Dipertua PIBG SK Setiawangsa sahaja dan sekolah SK Setiawangsa bagi mengenal pasti amalan kepimpinan YDP PIBG dalam pengurusan sarana ibu bapa sekolah tersebut. Walaubagaimanapun terdapat pihak lain yang turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan matlamat kajian ini iaitu Guru Besar, guru penolong kanan, guru-guru, kakitangan sekolah, ibu bapa, dan komuniti setempat.





Selain daripada itu batasan yang dikenal pasti adalah kaedah temubual yang digunakan dalam kajian ini bergantung kepada ketelusan maklumat yang diberikan oleh responden. Antara batasan lain ialah dari segi kos, kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh penyelidik. Oleh itu, kos kajian akan menjadi bebanan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini. Kajian ini juga melibatkan seorang sahaja pemimpin yang mempunyai bidang kuasa yang turut mempunyai pergantungan kuat dan perkaitan yang sangat rapat dengan kepimpinan sekolah. Namun segala sorotan yang berlaku sehinggakan sekolah ini mencapai kecemerlangan dan menerima anugerah tertinggi peringkat kebangsaan diambil dan dirakam untuk dimuatkan dalam kajian ini. Pergantungan dan hubungan sekolah dan PIBG sangat penting dalam memastikan pengurusan sarana PIBG sesebuah sekolah itu berjalan lancar.



1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual ini dibina untuk melihat bagaimana amalan kepimpinan YDP PIBG SK Setiawangsa mempengaruhi penglibatan sekolah dan ibu bapa sehingga merangkul Anugerah YDP PIBG Terbaik Peringkat Kebangsaan tiga tahun berturut-turut (2014-2016) serta Anugerah Pengurusan PIBG Terbaik Keseluruhan Kebangsaan (2014 dan 2015).

Rajah 1.1.

Kerangka Kajian Amalan Kepimpinan YDP PIBG Dan Pengurusan Dalam Sarana PIBG Ke Arah Sekolah Cemerlang.





1.9 Definisi Operasional

Berdasarkan kajian ini, definisi operasional memberi pengertian atau makna bagi menjelaskan definisi tajuk kajian ini bagi melalui perkataan atau ayat tertentu. Dalam kajian ini definisi operasional diperlukan untuk menerangkan tajuk kajian yang terdiri daripada perkataan-perkataan tertentu. Definisi operasional memberi ruang untuk menjelaskan makna “Amalan Kepimpinan YDP PIBG Dan Pengurusan Dalam sarana PIBG Ke Arah Sekolah Cemerlang”. Firth (1944) menegaskan bahawa makna menjadi inti dalam kajian bahasa. Lazimnya, kata ‘makna’ memberi erti ‘maksud’ atau ‘erti’.

1.9.1 Amalan Kepimpinan



Dalam kajian ini amalan kepimpinan merujuk kepada tingkah laku, gelagat, gaya dan cara yang diamalkan dalam memimpin dan menangani masalah berkaitan soal memimpin, mengurus dan mentadbir organisasi. Berdasarkan Kamus Dewan (2007), amalan merujuk kepada sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakan sebagai suatu kebiasaan yang berlaku atau terdapat pada praktiknya. Merujuk kepada kajian ini, amalan merupakan sesuatu perbuatan baik, kebajikan, gaya, perlakuan dan orientasi kepimpinan.

Carter (2007), kepimpinan biasanya berlaku apabila seseorang itu mendorong, memujuk, dan mempengaruhi orang lain untuk berusaha ke arah pencapaian sesuatu





objektif tertentu. Kepimpinan merujuk kepada kebolehan seseorang itu memimpin yang biasanya merangkumi tugas-tugas berkaitan bidang pengurusan dan pentadbiran. Kajian ini mengenal pasti ciri-ciri seorang YDP PIBG yang bijak untuk menterjemahkan diri sebagai pemimpin yang dapat membantu pihak agar sekolah boleh berfungsi dengan berkesan, khususnya untuk meningkatkan prestasi akademik murid-murid (Quah, 2011).

1.9.2 Yang Dipertua PIBG

Menurut Perlembagaan PIBG dan Akta Pendidikan 1996 serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, fungsi YDP PIBG ialah selaku pemimpin yang mengelola dan mengatur kegiatan persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara yang menyentuh perjalanan persatuan, tanpa bercanggah dengan dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan. PIBG merupakan pertubuhan yang menggabungkan ibu bapa, guru dan pengurusan sekolah berkenaan bagi membantu peningkatan akademik dan kemenjadian murid. Manakala YDP PIBG merupakan individu yang dilantik menjadi pengerusi kepada organisasi tersebut.

Berdasarkan kajian ini Amalan Kepimpinan dan pengurusan YDP PIBG yang telah menerajui organisasi ini dengan baik dan berkesan dalam membantu sekolah mencapai kecemerlangan telah melayakkan En. Amirudin Bin Sahudi YDP PIBG SK Setiawangsa menerima Anugerah Individu Lima Bintang Pengurusan Sarana PIBG





Sekolah Malaysia dan Anugerah Tokoh Kepimpinan PIBG tahun 2016. Selain dari melaksanakan tanggungjawab selaku YDP PIBG, beliau juga telah membentuk satu pasukan PIBG melalui sarana ibu bapa dan sekolah yang mantap serta berjaya memberi impak besar kepada kecemerlangan sekolah. Bukan itu sahaja malahan beliau telah dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menjayakan Program Khidmat Bantu Sarana Peringkat Kebangsaan dan berperanan sebagai Jurulatih Utama dalam siri jelajah seluruh Malaysia bagi membantu pemimpin-pemimpin PIBG sekolah-sekolah di Malaysia.

1.9.3 Sarana Ibu bapa dan PIBG



Sarana ibu bapa menurut penjelasan dalam buku panduan sarana ibu bapa Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan suatu inisiatif kebangsaan bagi meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah demi kecemerlangan masa hadapan negara yang tercinta, Malaysia. Selain itu, sarana ibu bapa itu sendiri dalam konteks inisiatif ibu bapa, komuniti dan swasta adalah suatu alat untuk digunakan oleh ibu bapa bagi membangun, memantap dan memperkasa penglibatan ibu bapa dalam pelajaran anak-anak melalui Persatuan Ibu Bapa Dan Guru. Sarana ibu bapa dan Sekolah melalui PIBG dengan mengaplikasikan objektif yang telah disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu dengan meningkatkan kerjasama antara ibu bapa, komuniti dan pihak sekolah dalam menyediakan 6 elemen yang menyokong pembelajaran bagi membantu murid mencapai kecemerlangan





holistik. Ianya merupakan suatu inisiatif utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Dalam kajian ini dapat dilihat dengan jelas tujuan sarana ibu bapa di sekolah telah dapat diaplikasikan dengan baik dan berkesan dengan meningkatnya penglibatan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah. Berdasarkan buku panduan sarana ibu bapa yang telah diterbitkan oleh KPM, ia merujuk kepada penglibatan ibu bapa dalam membantu memberikan faedah yang banyak kepada pembelajaran anak-anak. Ibu bapa dapat belajar cara membantu anak menyelesaikan kerja rumah, dapat mengetahui prosedur dan kaedah membantu anak di sekolah, ibu bapa juga dapat berkongsi ilmu keibubapaan bersama-sama dengan ahli PIBG yang lain serta ibu bapa juga akan lebih mudah untuk menyediakan suasana rumah yang sihat.



Selain itu, sarana ibu bapa yang aktif diterajui oleh YDP PIBG SK Setiawangsa ini juga telah membantu pihak sekolah merancang aktiviti dan program sekolah secara berkesan dalam menyokong pembelajaran murid di dalam mahupun luar sekolah. Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan sarana sebagai segala sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat dan sebagainya untuk mencapai atau melaksanakan sesuatu dan ibu bapa pula dalam konteks inisiatif ibu bapa merupakan, sesiapa sahaja yang bertanggungjawab terhadap kebajikan anak dan terlibat secara aktif dengan pendidikannya.





1.9.4 Sekolah Cemerlang

Kecemerlangan dalam konteks kajian ini adalah lebih kepada kecemerlangan sekolah dan kecemerlangan dari segi pengurusan PIBG melalui sarana ibu bapa yang telah diuruskan dengan baik dan berkesan sehingga melayakkan PIBG SK Setiawangsa menggondol gelaran PIBG Cemerlang Terbaik Kebangsaan. Kecemerlangan sekolah ini juga berkait rapat dengan kecemerlangan akademik murid-murid yang boleh didefinisikan sebagai segala aktiviti yang dilakukan oleh PIBG dan ibu bapa dalam membantu kejayaan anak-anak di sekolah atau pun luar sekolah. Pelbagai langkah dan aktiviti telah diambil dalam proses membentuk, menyebarkan, menilai dan meningkatkan pencapaian akademik anak-anak supaya semua matlamat yang telah ditentukan itu akan tercapai pada tahap maksimum bagi semua murid. Norashikin (2011) menunjukkan faktor kepemimpinan pengajaran dan perkongsian wawasan lebih ketara di sekolah berkesan berbanding di sekolah kurang berkesan. Ini membuktikan pencapaian cemerlang sekolah sangat memerlukan kerjasama erat dan padu dari PIBG melalui sarana ibu bapa.





1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian kualitatif kajian kes bermula dari pengkaji menjelaskan pendahuluan dan latar belakang masalah. Selain itu, dikemukakan isu-isu dan masalah terhadap amalan kepimpinan dan pengurusan YDP PIBG SK Setiawangsa. Dari masalah kajian ini, maka timbullah persoalan berkaitan amalan-amalan terbaik YDP PIBG, pengurusan PIBG melalui sarana ibu bapa dan bagaimanakah penglibatan ibu bapa dalam sarana ibu bapa dan PIBG dapat membantu mewujudkan permaufakatan demi kecemerlangan pendidikan anak-anak di sekolah.

Bab ini telah menjadi tunjang dan latar belakang kepada pelaksanaan kajian tentang perkaitan dan kepentingan pengurusan sarana PIBG yang cemerlang serta amalan-amalan yang dipraktikkan oleh YDP PIBG di SK Setiawangsa yang telah menerima anugerah dan pencapaian tertinggi yang membanggakan di peringkat kebangsaan.

Definisi tajuk dinyatakan bagi menjelaskan istilah-istilah yang terdapat dalam kajian ini. Beberapa sorotan kajian literatur juga dibuat terhadap tajuk disertai pengkaji yang terdahulu. Akhirnya, dijelaskan juga tentang prosuder kajian yang menjelaskan tentang bagaimana kajian ini dijalankan dari mula sehingga akhir kajian. Diharapkan kajian ini membawa kebaikan dan sedikit sebanyak membantu pihak-pihak berkaitan serta berkepentingan dalam mengurus tadbir sarana PIBG sekolah dengan baik dalam usaha mencapai matlamat dan merialisasikan Transformasi Pendidikan Negara.

